

02/09/1998

Pelbagai program sempena Hari Wanita

PELBAGAI program dirancang oleh Pergerakan Wanita Umno untuk menyambut Hari Wanita pada 25 September ini walaupun tempohnya lewat sebulan dari tarikh sambutan peringkat kebangsaan iaitu 25 Ogos.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman tarikh itu dipilih selepas mendapat persetujuan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, tema Hari Wanita anjuran pergerakan itu ialah Wanita Meneruskan Perjuangan.

"Kami menjemput wanita di seluruh negara supaya dapat meluangkan masa pada 25 September ini untuk sama-sama menyambut Hari Wanita dan meneruskan perjuangan wanita bagi mengukuhkan perpaduan negara.

"Pelbagai program diatur dari pagi hingga petang antaranya persembahan daripada artis dan talkshow yang bersangkutan paut dengan wanita," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Mesyuarat itu diadakan bagi membincangkan program yang bakal dianjurkan oleh pergerakan itu sehingga penghujung 1997.

Menurut Dr Siti Zaharah, sempena Perhimpunan Agung Wanita Umno yang berlangsung Jun lalu, pihaknya akan mengadakan Persidangan Pasca Perhimpunan bagi mengupas setiap ucapan dasar dan usul yang dikemukakan oleh perwakilan wanita.

Katanya, persidangan itu akan diadakan penghujung Oktober ini.

"Persidangan ini merupakan susulan daripada ucapan dasar dan usul yang dikemukakan dahulu.

"Kita berharap persidangan itu dapat mewujudkan satu pelan tindakan bagi membolehkan langkah susulan diambil.

"Pada persidangan itu juga, wakil Wanita Umno dari setiap negeri akan mengemukakan kertas kerja masing-masing. Kertas kerja itu juga berkisar kepada ucapan dasar dan usul yang dibuat baru-baru ini," katanya.

Selain itu, Wanita Umno juga akan menganjurkan tayangan perdana filem arahan Hishamudin Rais iaitu Dari Jemapoh ke Manchester.

(END)